

‘Ada kartel dadah sejak 20 tahun lalu’

Kes didengar PM sekian lama masih belum ada tindakan dan dakwa dilindungi ahli politik

Oleh Muhammad Khairul Ashraf Mohd Khalid
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan wujudnya sebuah kartel besar yang menyeludup dadah ke negara ini yang beliau dengar sejak 20 tahun lalu dan sehingga kini tidak ada tindakan.

Menurutnya, selepas beliau menjadi Perdana Menteri dan menunggu selama setahun, namun tidak ada laporan diterima mengenai kartel besar yang membawa dadah menerusi kontena.

Katanya, beliau turut membangkitkan persoalan berkenaan kepada agensi bertanggungjawab, susulan ramai orang bercakap mengenai perkara itu.

“Saya kata macam mana (kes)? Orang ramai sudah bercakap mengenainya. Kemudian kontena itu masuk. Kontena dadah keluar dari Pelabuhan Klang, ditangkap di Australia.

“Itu saya mengamuk. Saya kata jangan cakap kepada saya, anda tak ada apa-apa tindakan,” katanya pada sesi sarapan dan sembang santai bersama media Sabah di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, beliau tidak boleh bertolak ansur mengenai perkara itu dan kemudian mengambil beberapa langkah susulan.

Beliau turut menemui ketua agensi berkaitan setiap minggu dan



Anwar menjawab soalan media pada sesi sarapan dan sembang santai bersama media Sabah di Kota Kinabalu, semalam. (Foto BERNAMA)

bertemu mereka selama sejam.

“Apa jadi itu? Satu contoh ialah Pelabuhan Klang. Rupanya ratusan kontena yang masuk seperti sisa e-waste (diseludup). Jadi kita kata, serbu. Bagaimana, bila dan siapa? Itu kerja dia. Saya tak tahu,” katanya.

Anwar berkata, daripada perkara itu juga wujud sindiket dan ahli politik dipercayai terbabit dalam kegiatan berkenaan.

“Ada juga kelakuan dan tindakan jenayah. Ada orang mati dibunuh oleh mereka,” katanya.

Anwar pada masa sama memuji agensi penguat kuasa yang mengambil tindakan membanteras kegiatan itu.

“Sekarang, kita sudah ambil tindakan. Kita sudah rampas dan dakwa beberapa orang di mahkamah,” katanya.

PDRM ada maklumat

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Datuk Hussein Omar Khan, ketika dihubungi media berkata, kartel besar didedahkan Perdana Menteri itu dalam radar Polis

Diraja Malaysia (PDRM) dan tindakan sedang dijalankan bagi membanteras kegiatan itu.

Katanya, PDRM mempunyai maklumat kartel itu, malah tindakan juga sudah dijalankan dan ada yang dalam tindakan.

“JSJN bekerjasama dengan agensi dalaman seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Kawalan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dan pihak berkuasa pelabuhan dan juga kerjasama antarabangsa dengan agensi berkuasa, negara lain,” katanya, semalam.

Ditanya mengenai pendedahan Anwar bahawa wujudnya pembabit ahli politik dalam kegiatan berkenaan, beliau berkata, JSJN ada menjalankan siasatan terhadap kartel sindiket dadah terbabit dan siasatan masih berjalan.

“JSJN juga menjalinkan kerjasama dengan pihak berkuasa Australia dari segi membekalkan hasil siasatan termasuk berkongsi laporan forensik malah pihak berkuasa Australia juga akan akan menuduh seorang suspek di sana,” katanya.